

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Pereka
Gred Jawatan	:	B29
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Bakat
Jadual Gaji	:	RM1,499.00 – RM5,679.00 (<i>Contract of Service</i>)
Syarat Lantikan	:	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) Warganegara Malaysia;(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan(c)<ol style="list-style-type: none">(i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau(ii) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan(iii) memiliki pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Taraf Jawatan	:	KONTRAK
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak menentukan terma dan syarat-syarat perkhidmatan lain.
Fungsi Bidang Tugas	:	<ol style="list-style-type: none">1. Bertanggungjawab mencipta dan menjalankan kerja-kerja reka bentuk, penerbitan, multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen KUSKOP/SKM/AGENSI/KOPERASI yang berkaitan dengan seni/visual dalam usaha memasarkan maklumat dan dasar-dasar kepada orang awam.2. Bertanggungjawab mengendalikan akaun media sosial rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Instagram, Facebook, Twitter, TikTok dan TV SKM).3. Berkemahiran mengendalikan <i>copywriting</i> dalam dwibahasa.4. Bertanggungjawab memastikan pentas persembahan, persiapan upacara sambutan ketibaan tetamu serta menyelaras bahan promosi ke negeri-negeri, di majalah, di TV, Radio dan sidang media.5. Bertanggungjawab membantu dalam aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan program Jabatan, program kemasyarakatan, penerbitan dan publisiti.6. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
Tarikh Tutup Permohonan	:	27 Oktober 2022